

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keadaan bekalan elektrik dalam negara, subsidi dan sebab TNB diizinkan menaikkan tarif elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Keadaan bekalan elektrik bagi Semenanjung Malaysia secara amnya adalah baik dan berupaya memenuhi permintaan pengguna. Kapasiti terpasang bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2014 adalah sebanyak 21,509MW. Jumlah ini telah berkurangan sedikit iaitu sebanyak 120MW berbanding 21,629MW dalam tahun 2013 berikutan persaraan unit penjanaan di Stesen Jana Kuasa Pasir Gudang pada 31 Disember 2013. Manakala, kehendak maksimum sistem grid di Semenanjung Malaysia masih kekal pada 16,562MW yang direkodkan pada 13 Mei 2013. Bagi tahun 2014, kehendak maksimum sistem yang direkod setakat bulan Mei 2014 adalah 16,494MW. Kehendak maksimum ini dijangka akan meningkat ke tahap unjuran 17,152MW menjelang bulan Jun – Ogos 2014.

2. Berhubung semakan tarif yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014, sebahagian besar kenaikan adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada

RM15.20/MMBtu, harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68/MMBtu. Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.09 sen/kWj atau 82% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

3. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 18% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

4. Tidak dinafikan bahawa pihak TNB memperolehi keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013 sebanyak RM 4.58 bilion. Namun begitu, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM 6 - 7 bilion.

5. Kerajaan telah memberikan subsidi kepada semua rakyat dalam bentuk harga gas yang rendah kepada sektor elektrik yang akhirnya dinikmati oleh rakyat dalam bentuk kadar tarif elektrik yang berpatutan. Penetapan harga gas yang lebih rendah daripada harga pasaran telah menyebabkan kehilangan hasil kepada PETRONAS. Jumlah keseluruhan hasil gas yang dilepaskan PETRONAS sejak tahun 1997 sehingga Disember 2013 untuk Sektor Elektrik adalah sebanyak RM137.15 billion.
